

Islam terus kukuh sejak ia bertapak di Melaka 750 tahun lalu

Melaka pusat promosi halal

Kosmo 3/2/12 MS9.

Oleh ROSLI HASSAN
rosli.hassan@kosmo.com.my

SELAIN menjadi pusat perdagangan, Melaka juga terkenal sebagai pusat penyebaran Islam di rantau ini ketika era kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka.

Lebih istimewa, tahun ini genap 750 tahun Islam bertapak di Melaka. Dalam tempoh tersebut, Melaka memainkan peranan penting dalam menyebarkan dan mengukuhkan agama Islam di rantau ini.

Menyedari peranan penting Melaka dalam perkembangan Islam di negara ini satu masa dahulu, kerajaan negeri mengambil peluang menjadi tuan rumah keenam Kempen 1Malaysia 1Halal (IM1H) sebagai salah satu program utama sempena sambutan Maulidur Rasul.

Karnival dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) itu akan berlangsung di Kompleks Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) dan tempat letak kereta Universiti Terbuka Malaysia (OUM), Bukit Palah, Melaka. Ia diadakan selama empat hari bermula hari ini.

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Melaka, Datuk Yaakub Md. Amin berkata, jika pada zaman Kesultanan Ma-

kan Islam di rantau ini.

“Dengan adanya karnival halal, kerajaan Melaka sekali lagi terlibat secara aktif dalam mengukuhkan Islam.

“Ia juga akan menjadi kesinambungan usaha yang dijalankan negeri ini sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi,” katanya.

Menurutnya, sebagai negeri pelancongan, Kempen IM1H itu juga akan menjadi salah satu tarikan pelancong sepanjang empat hari ia diadakan.

“Pengunjung terutamanya pelancong asing berpeluang melihat produk-produk halal yang terdapat di negara ini.

“Selain itu, mereka juga dapat memahami isu-isu berkaitan halal dengan lebih mendalam,” katanya.

Menurutnya, dengan adanya karnival halal sempena Maulidur Rasul tahun ini, sambutan berkenaan dijangka lebih istimewa dan meriah berbanding tahun-tahun sebelumnya.

Katanya, ruang pameran yang bertambah daripada kira-kira 50 buah sebelum ini kepada lebih 100 buah bakal memeriahkan lagi karnival halal berkenaan.

“Gerai pameran dan jualan sebelum ini diadakan di pekarangan Kompleks Al-Azim, namun pada tahun ini gerai jualan dan pameran diadakan di Dataran MAIM dan tempat letak kereta OUM sekaligus mem-

imbang diri dan dam aji selain berkunjung ke mini studio *Kosmo!* serta jualan buku dan majalah,” katanya.

Yaakub berkata, perarakan yang diadakan pada sambutan Maulidur Rasul pada tahun ini juga mengalami perubahan apabila lokasi ketibaan perarakan diubah daripada pekarangan Masjid Al-Azim pada tahun-tahun sebelumnya ke pentas utama karnival yang terletak di pekarangan Kompleks MAIM.


“Bilangan kontinjen yang menyertai perarakan itu juga semakin bertambah di mana dijangka hampir 200 kontinjen yang memabitkan 10,000 peserta,” katanya.

Karnival IM1H akan dirasmikan malam ini oleh Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam di pekarangan Kompleks MAIM. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom akan menyampaikan ucapan pada majlis perasmian itu.

Majlis penutup pada Isnin ini pula akan diserikan dengan kehadiran tiga artis popular iaitu Aisyah, Najwa Latif dan In-Team.

Dagang Halal.com merupakan pengurus kepada kempen IM1H manakala *Kosmo!* menjadi akhbar rasmi.

Kempen itu merupakan siri jelajah edisi keenam selepas kejayaan dan sambutan baik terhadap program berkenaan di Kuala Lumpur, Perlis, Johor, Negeri Sembilan dan Kelantan.



MOHD. ALI RUSTAM



YAAKUB MD. AMIN



berkata, jika pada zaman Kesultanan Melaka dahulu, Melaka lebih memainkan peranan menyebarkan agama Islam namun peranan yang dimainkan Melaka kali ini sedikit berbeza.

"Islam kini telah berkembang di seluruh negara namun masih banyak peranan yang boleh dimainkan Melaka dalam mengukuhkan Islam di negara ini.

"Sebagai contoh, isu-isu berkaitan halal masih belum difahami sepenuhnya oleh masyarakat di negara ini.

"Sebab itu, kami bercadang mengadakan karnival halal sempena sambutan Maulidur Rasul tahun ini," katanya kepada *Kosmo!*

Menurutnya, tempoh yang panjang iaitu 750 tahun sejak Islam mula bertapak di Melaka juga menyebabkan ramai generasi muda hari ini semakin lupa akan peranan yang dimainkan Melaka dalam menyebar-

tempat letak kereta OUM sekaligus membolehkan mereka yang bukan beragama Islam juga berkunjung ke karnival ini," katanya.

- Menurut Yaakub, bagi memeriahkan lagi karnival berkenaan, pelbagai seminar dan ceramah turut diadakan seperti seminar pembangunan halal, ceramah mengenai cabaran Islam masa kini dan konsep Wasatiyah, seminar menjana pemantapan ekonomi Islam serta seminar wanita dan kesihatan dari perspektif Islam.

"Selain itu, pelbagai pertandingan juga diadakan bagi memeriahkan lagi karnival seperti pertandingan Street Soccer, nasyid, mewarna kanak-kanak Tadika Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM), pakaian beragama, khatib muda dan pelbagai pertandingan lain.

"Pengunjung juga boleh menyertai pelbagai permainan yang turut disediakan seperti dam ular gergasi, bina perkataan,

JADUAL PROGRAM KEMPEN 1MALAYSIA 1HALAL

Bersempena dengan Sambutan Maulidur Rasul dan Kempen Berzakat Peringkat Negeri Melaka 1433H/2012

• Tarikh: 3-6 Februari 2012 • Tempat: Dataran MAIM, Jalan Bukit Palah, Melaka • Tema: 750 Tahun Kegemilangan Islam di Melaka

Hari Pertama (Jumaat, 3 Februari / 10 Rabiulawwal)

- **10 pagi-10 malam:** Pameran, Jualan Produk & Servis
- **8 pagi-5 petang:** Seminar Pembangunan Halal Negeri Melaka (IPPJ)
- **8.30 pagi -12.30 tengah hari:** Cabaran Islam Masa Kini dan Konsep Wasatiyah
- **9 pagi-12 tengah hari:** Klinik Sihat Labur (Suruhanjaya Security Malaysia)
- **9 pagi-3 petang:** Kempen Derma Darah
- **3 petang - 5 petang:** Pelancaran Kempen Jauhi Zina Peringkat Negeri Melaka & Persembahan Gempur Tanpa Senjata
- **8.45 malam-10.30 malam:** Majlis Perasmian Kempen 1 Malaysia 1 Halal Bersempena Sambutan Maulidur Rasul Dan Kempen Berzakat Peringkat Negeri Melaka Tahun 1433H/2012M

Hari Kedua (Sabtu, 4 Februari/11 Rabiulawwal)

- **10 pagi-10 malam:** Pameran, Jualan Produk & servis
- **8 pagi-5 petang:** Street Soccer (Terbuka) / Sukan Rakyat (Sepak Takraw Berkain Pelekat)
- **8 pagi-5 petang:** Kursus Perkahwinan & Kekeluargaan Islam
- **8 pagi-1 tengah hari:** Pertandingan Nasyid (Sekolah Rendah)
- **9 pagi-12 tengah hari:** Pertandingan Mewarna (Kanak-Kanak Tadika JAIM)
- **9 pagi-12.30 tengah hari:** Pertandingan Pakaian Beragam (Kanak-Kanak Tadika JAIM) "Busana Muslim dan Muslimah"
- **8 pagi-1 tengah hari:** Wacana Pendidikan Fatwa Negeri Melaka
- **2.30 petang-5 petang:** Pertandingan Nazam (Sekolah Rendah)
- **2.30 petang-5 petang:** Pertandingan Marhaban & Berzanji (Sekolah Menengah)
- **2.30 petang-5 petang:** Seminar Keibubapaan Rumahku Syurgaku
- **9 malam-11 malam:** Majlis Malam Hafiah Maulud Diba'1 & Tazkirah

Hari Ketiga (Ahad, 5 Februari/12 Rabiulawwal)

- **10 pagi-10 malam:** Pameran, Jualan Produk & servis
- **7 pagi -11.30 pagi:** Perarakan Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Melaka Tahun 1433H/2011M
- **8 pagi-5 petang:** Kursus Perkahwinan & Kekeluargaan Islam
- **2 petang-5 petang:** Pertandingan Bintang Nasyid Mukmin (Sekolah Menengah)
- **2.30 petang-5 petang:** Forum Peningkatan Pendapatan Asnaf Fakir & Miskin
- **8.30 malam-11 malam:** Pertandingan Lagu-Lagu Dakwah -Peringkat Akhir

Hari Keempat (Isnin, 6 Februari/13 Rabiulawwal)

- **10 pagi-10 malam:** Pameran, Jualan Produk & servis
- **8 pagi-2.30 petang:** Pertandingan Marhaban (Dewasa Lelaki & Wanita)
- **8 pagi:** Jelajah Basikal
- **8 pagi-12 tengah hari:** Pertandingan Khatib Muda
- **8 pagi-12 tengah hari:** Motivasi Pelajar "Peranan Remaja Dalam Masyarakat"
- **8 pagi-12 tengah hari:** Bengkel Seni Khat
- **2 petang-5 petang:** Pertandingan Gubahan
- **2.30 petang-5 petang:** Pertandingan Kompong
- **2.30 petang-5 petang:** Seminar "Wanita & Kesihatan Dari Perspektif Islam"
- **8.30 malam-11.00 malam:** Salam Sinar Maulidur Rasul, Persembahan Artis, Majlis Penyampaian Hadiah Perarakan Sepanduk dan Beca Berhias Sempena Sambutan Maulidur Rasul